

PM akan dapatkan laporan guru ajar benci kerajaan dari Anwar

JITRA 25 Julai —
Perdana Menteri, Datuk
Sri Dr. Mahathir Moha-
mad berkata, beliau
akan mendapatkan la-
poran dari Menteri Pen-
didikan, Encik Anwar
Ibrahim mengenai ada-
nya guru-guru di Kelant-
an mengajar murid me-
reka membenci keraja-
an.

“Setakat ini saya be-
lum menerima sebarang
maklumat,” katanya ke-
pada para pemberita se-
lepas majlis perjumpaan
Hari Raya Aidiladha
dengan kira-kira 1,500
orang guru-guru di de-
wan Sekolah Menengah
Jitra di sini hari ini.

Beliau berkata, de-
mikian ketika diminta
mengulas laporan akhbar
yang menyebut Ketua
Pergerakan Wanita UM-
NO Malaysia, Datin Pa-
duka Rafidah Aziz seba-
gai berkata telah meneri-
ma laporan dari Wanita
UMNO negeri itu meng-
enai peristiwa tersebut
baru-baru ini.

Mengapa dakwaan
Tengku Razaleigh Ham-
zah hanya kira-kira
500,000 sahaja dari 1.4
juta bekas ahli UMNO
lama yang memohon
menjadi ahli UMNO se-
karang, Presiden UMNO
itu berkata “dia boleh
kata apa yang dia suka.”

Sebelum itu ketika
berucap, Perdana Men-
teri berkata, siapapun ti-
dak dapat menafikan
peranan guru dalam
pembangunan semangat
kebangsaan Melayu se-
hingga negara mencapai
kemerdekaan.

Katanya, di zaman
penjajah dulu semangat
di kalangan guru begitu
kuat dan mereka me-
nyertai politik untuk
membebaskan negara
dari tekanan penjajah.

Penyertaan guru-guru
dalam perjuangan akh-
irnya berjaya menewaskan
rancangan Malayan
Union. kata Perdana
Menteh.

Perdana Menteri me-

nolak dakwaan UMNO
tidak berusaha mendau-
latkan bahasa kebangsa-
an sehingga menyebabkan
ramai guru berpisah
dari UMNO dalam ta-
hun 1959.

Menurut beliau, UM-
NO sebenarnya mumpu-
nyai strateginya untuk
mendaulatkan bahasa
kebangsaan dan ini ter-
bukti hasilnya telah dite-
rima oleh kaum-kaum
lain.

Bahkan kata Perdana
Menteri, bukan lagi gan-
jil guru dari bangsa bu-
kan Melayu mengajar
bahasa Melayu.

Beliau juga meng-
ingatkan para guru ten-
tang tugas mereka, bu-
kan sahaja sebagai pen-
didik kepada murid-
murid tetapi juga pe-
mimpin kepada ma-
syarakat.

“Guru-guru mesti
memupukkan nilai-nilai
yang mulia yang boleh
membina pelajar dan ju-
ga negara,” katanya.

Perdana Menteri ber-
ada di Kedah selama dua
hari kerana berhari raya
dan mengadakan korban
di Pendang, Tunjang dan
kediaman beliau di Titi
Gajah.